

PERKEMBANGAN PENDEKATAN PEMBANGUNAN KOMUNITI LUAR BANDAR DI MALAYSIA

**Haris Abd. Wahab
Siti Hajar Abu Bakar Ah**

Abstract

Since independence, a number of community development programs have been introduced in Malaysia to improve the conditions of the marginalized rural communities. One important factor in the success of the programs is the approach taken toward enhancing the well-being of the target groups. Two contrasting approaches to community development have been used in Malaysia: top-down and bottom-up. The top-down approach was predominant from independence to 1994, and the bottom-up approach from 1994 until today. The top-down approach reflected the prevailing views at the time when the First Rural Development Transformation Plan was adopted until 1994 when it was replaced by the Second Rural Development Plan.

Pengenalan

Pembangunan komuniti adalah proses yang menggabungkan usaha manusia dalam komuniti dengan usaha-usaha badan kerajaan dan bukan kerajaan untuk memperbaiki taraf ekonomi, sosial, dan kebudayaan komuniti supaya kemajuan itu nanti akan mewujudkan pembangunan negara keseluruhannya. Gerakan pembangunan komuniti di Malaysia telah berkembang setelah negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.¹ Pada peringkat awal kemerdekaan,

perkembangan program pembangunan komuniti tidak begitu menggalakkan kerana kerajaan lebih memberi tumpuan kepada usaha-usaha untuk menghapuskan komunis. Aktiviti pembangunan komuniti pada masa tersebut adalah berbentuk usaha perintis sahaja. Pada tahun 1953, satu rumusan mengenai pendekatan pembangunan komuniti di Malaysia telah dilakukan melalui Persidangan Pembangunan Masyarakat Pertama yang diadakan di Taiping. Persidangan tersebut telah dihadiri oleh wakil-wakil kerajaan Negeri dan Persekutuan serta jabatan-jabatan kerajaan termasuklah Jabatan Kesihatan, Jabatan Pelajaran, RIDA, Gerakan Kerjasama dan lain-lain lagi. Rumusan persidangan ini menyatakan:

Pembangunan komuniti ialah satu gerakan yang dirancang untuk melahirkan kehidupan yang lebih baik bagi keseluruhan komuniti, dengan penglibatan aktif dan daya usaha komuniti sendiri.²

Kepesatan perkembangan program pembangunan komuniti di Malaysia bermula setelah tertubuhnya Lembaga Kemajuan Industri Luar Bandar (RIDA) pada tahun 1950 dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada tahun 1959. Penubuhan kementerian tersebut bertujuan untuk mendedahkan pengurusan dan campur tangan politik dalam program pembangunan pada masa hadapan.³ Setelah itu, berbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan secara berterusan dalam setiap penggal Rancangan Pembangunan Malaysia. Pelbagai bentuk pendekatan pembangunan komuniti telah dilaksanakan dalam setiap rancangan pembangunan lima tahun negara seperti Gerak Maju, Gerakan Jaya Diri dan Gerakan Pembaharuan. Kesemua pendekatan pembangunan komuniti negara ini telah disusun dan terkandung dalam Buku Merah Negara.⁴

Matlamat Pembangunan Komuniti

Di Malaysia perkataan pembangunan komuniti telah digunakan secara begitu meluas dalam dokumen rasmi pembangunan negara (Dokumen Rancangan Lima Tahun). Dalam dokumen tersebut perkataan pembangunan komuniti merujuk kepada sektor perkhidmatan sosial dan masyarakat sahaja. Walau bagaimanapun penggunaan perkataan pembangunan komuniti perlu meliputi skop yang lebih luas. Pembangunan komuniti perlu merangkumi aspek pembangunan pertanian dan luar bandar, pengangkutan, kemudahan awam, pendidikan, kesihatan serta perkhidmatan sosial dan masyarakat. Asnarulkhadi⁵ menjelaskan kesemua sektor atau aspek dalam dokumen rasmi pembangunan negara mempunyai matlamat yang tersurat dan tersirat untuk membangunkan komuniti di seluruh negara.

Secara umumnya pelaksanaan program pembangunan komuniti di Malaysia adalah bermatlamat untuk membasi masalah kemiskinan, terutamanya di kalangan masyarakat luar bandar. Secara khususnya, objektif pembangunan komuniti ini adalah untuk meningkatkan tingkat pendapatan individu agar melebihi garis kemiskinan. Untuk mencapai matlamat tersebut kerajaan telah menubuhkan Jabatan Pertanian pada tahun 1948 dan diikuti dengan penubuhan RIDA pada tahun 1950. Penubuhan kedua-dua jabatan ini adalah sebagai usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi pembangunan komuniti di luar bandar.⁶

Pembangunan dalam bidang pertanian yang bertujuan untuk menambah pengeluaran telah mendapat perhatian kebanyakan negara-negara membangun termasuk Malaysia. Langkah-langkah tertentu telah diambil untuk membawa perubahan dari sistem pertanian yang bercorak secukup hidup atau '*substance*' kepada yang bercorak pasaran atau komersial. Selain itu, pembangunan dalam bidang pertanian juga memberi tumpuan kepada penyusunan ekonomi pertanian itu sendiri, khususnya dalam soal yang berkaitan dengan tanah dan semangat kerja komuniti petani di luar bandar.

Pendekatan Pembangunan Komuniti

Kerajaan telah mengeluarkan tiga arahan bagi mencapai matlamat pembangunan komuniti.⁷ Arahah pertama menekankan kepada pegawai-pegawai kanan kerajaan tentang kesungguhan kerajaan dalam memajukan negara, terutama sekali untuk membangunkan kawasan luar bandar. Tujuan arahan ini ialah untuk memastikan perancang dan pelaksana program pembangunan komuniti di semua peringkat memahami dengan jelas hasrat kerajaan dan menyumbang tenaga bagi mencapai matlamat tersebut. Arahah kedua pula menekankan kepada masalah kekurangan tanah. Tujuan arahan ini ialah untuk menangani masalah kekurangan dan permohonan untuk mendapatkan tanah oleh orang ramai. Kerajaan telah mengarahkan agar pejabat-pejabat tanah serta jabatan ukur mengendalikan tugas ini secekap yang mungkin. Kedua-dua arahan kerajaan ini boleh dikategorikan dalam pelaksanaan pembangunan komuniti negara peringkat pertama.

Rancangan pembangunan komuniti peringkat kedua dilancarkan bermula dalam Rancangan Malaya Kedua.⁸ Rancangan ini merupakan titik tolak penting dalam usaha kerajaan menyediakan keperluan sosial dan ekonomi negara.⁹ Dalam rancangan ini kerajaan telah memberi perhatian yang serius kepada perkhidmatan sosial dengan tujuan untuk meningkatkan kesejahteraan sosial dan ekonomi penduduk desa. Berikut dengan pelancaran Rancangan Malaya Kedua ini, kerajaan telah meluluskan arahan ketiga yang dikemukakan pada tahun 1962

yang bertajuk "Jiwa Merdeka-Ingin Maju, Sanggup Bekerja, Terus Jaya". Penekanan rancangan pembangunan komuniti peringkat kedua ini ialah terhadap peranan positif rakyat dalam memajukan diri serta membangunkan komuniti sendiri.

Berdasarkan kepada arahan yang ketiga ini, dua kaedah utama yang digunakan dalam pendekatan pembangunan komuniti luar bandar ialah penubuhan Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKK) dan Rancangan Buku Merah. JKKB mempunyai dua tugas penting. Pertama, menyusun semua jabatan dan agensi kerajaan supaya mencapai tujuan, dasar dan matlamat yang sama. Kedua, berfungsi sebagai penggerak atau penggalak kepada penyertaan masyarakat dalam program pembangunan. Antara fungsi penggerak yang perlu dilaksanakan oleh JKKB ialah: menyatupadukan seluruh jiwa dan tenaga rakyat, mengenal pasti latar belakang kampung, melaksanakan rancangan kemajuan di kampung mengikut nasihat pegawai kerajaan, merancang serta menjalankan kerja-kerja gotong royong, membentuk keyakinan diri anggota masyarakat, mengubah sikap masyarakat kepada cara hidup yang lebih dinamik, menggalak masyarakat mengguna dan menjaga kemudahan yang diberikan oleh kerajaan, berkerjasama dengan jabatan kerajaan bagi memajukan kampung, menjadi perantara antara penduduk kampung dengan pihak yang berkuasa, menyedia dan menghantar penyata kemajuan rancangan pembangunan kampung kepada Jawatankuasa Pembangunan Daerah dan melaksanakan arahan dan panduan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Daerah dari semasa ke semasa.¹⁰ Semua peranan dan fungsi JKKB ini perlu dilakukan dengan cara menanam semangat percaya kepada diri sendiri, membentuk keyakinan dan memberikan dorongan positif kepada idea-idea kemajuan yang diminta oleh rakyat.

Berdasarkan kepada arahan ketiga, kerajaan juga telah memperkenalkan Rancangan Buku Merah.¹¹ Rancangan Buku Merah ini bertujuan untuk mengurangkan masalah birokrasi dan seterusnya mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan kecil yang dipohon oleh penduduk kampung. Rancangan Buku Merah ini turut memperkenalkan konsep Bilik Gerakan di peringkat kampung, daerah, negeri dan kebangsaan. Bilik gerakan ini berperanan untuk menyimpan dan menjadi sumber rujukan maklumat Buku Merah yang disediakan oleh Pegawai Daerah dan Jawatankuasa Pembangunan Desa peringkat daerah.

Pembangunan komuniti dalam tempoh ini hanya tertumpu kepada aktiviti-aktiviti untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas masyarakat desa seperti aktiviti Kelas Dewasa. Pada tahun 1963, Bahagian Pelajaran Dewasa telah meluaskan aktivitinya dengan

menubuhkan kelas Ekonomi Rumah Tangga (ERT) dan Kelas Agama bagi kaum wanita. Aktiviti ini bertujuan untuk memberi didikan dan kefahaman tentang peranan wanita dalam masyarakat, membimbing dan menguruskan daya dan sumber keluarga seperti masa, tenaga dan wang. Manakala kelas agama pula membimbing masyarakat dalam bidang kerohanian.

Rancangan pembangunan komuniti memasuki era baru dalam Rancangan Malaysia Pertama (RMK1) (1966-1970).¹² Melalui RMK1 ini kerajaan telah memperkenalkan pendekatan pembangunan komuniti yang dikenali sebagai 'Gerakan Maju' yang dilancarkan pada tahun 1966. Gerakan ini bertujuan untuk mengikis 'sikap tidak apa' dengan harapan untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan kadar buta huruf yang tinggi di kalangan masyarakat. Selain itu, gerakan ini juga bertujuan untuk memperbaiki taraf kesihatan masyarakat dengan menitikberatkan aspek pemakanan berkhasiat.¹³ Mengikut arahan ketiga ini juga, tugas-tugas dipertanggungjawabkan kepada JKK.

Pada tahun 1968, kerajaan telah memperkenalkan pula pendekatan 'Jaya Diri'. Melalui pendekatan ini rakyat digesa supaya bersedia untuk menyesuaikan diri dengan kehendak perubahan zaman dan meningkatkan taraf ekonomi mereka. Untuk itu, Bahagian Pendidikan Dewasa telah melipatganda usaha bagi menyedarkan dan menggerakkan masyarakat kampung supaya turut serta dalam program pembangunan.¹⁴ Melalui pendekatan 'Jaya Diri' ini rakyat telah diminta untuk memperbaiki taraf hidup mereka melalui penggunaan sumber-sumber dan merebut peluang yang terdapat di sekeliling mereka.

Dalam Rancangan Malaysia Kedua (RMK2) (1971-1975), kerajaan telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB).¹⁵ DEB menjadi landasan kepada perencanaan dan pelaksanaan pembangunan komuniti untuk tempoh dua puluh tahun berikutnya. DEB bermatlamat untuk membasi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat supaya dapat menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Pendekatan pembangunan komuniti pada masa tersebut telah diselaraskan mengikut matlamat DEB. Untuk itu, Dasar Pelajaran Dewasa telah diubah, di mana kelas-kelas dewasa untuk bukan bumiputera dipindahkan kepada Urusetia Kementerian Perpaduan Negara yang ditubuhkan pada tahun 1970 di bawah Jabatan Perdana Menteri. Manakala Bahagian Pendidikan Dewasa pula telah diubah kepada Bahagian Kemajuan Masyarakat atau lebih dikenali sebagai KEMAS di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada tahun 1970.

Kerajaan turut melancarkan pendekatan 'Gerakan Pembaharuan' dalam tahun 1972.¹⁶ Pendekatan ini bertujuan untuk memperbaiki keadaan ekonomi dan sosial komuniti luar bandar. Pembaharuan dan perubahan yang dimaksudkan masih lagi berpaksikan kepada peningkatan produktiviti (pertanian) yang digerakkan menerusi perluasan rancangan pembangunan tanah dan rancangan tanaman semula getah dan kelapa sawit serta program-program pertanian yang lain.¹⁷

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ketiga (RMK3) (1976-1980), kerajaan hanya meneruskan dan memperkuuhkan pendekatan pembangunan komuniti yang sedia ada. Penekanan kepada aspek pembangunan komuniti sekali lagi ditunjukkan oleh kerajaan dalam jangka masa Rancangan Malaysia Keempat (RMK4) (1981-1985).¹⁸ Melalui RMK4 kerajaan melancarkan 'Dasar Pembangunan Kampung dan Luar Bandar'. Melalui dasar tersebut, kerajaan masih lagi memberi penekanan kepada aspek ekonomi, pendidikan, kesihatan dan sikap anggota masyarakat. Pendekatan 'Hala Cara Baru' telah diperkenalkan pada tahun 1984 bagi merealisasikan Dasar Pembangunan Kampung dan Luar Bandar tersebut.

Pendekatan 'Hala Cara Baru' merupakan pendekatan untuk membangunkan desa dan membasmi kemiskinan terutama di kalangan komuniti pekebun kecil. Kerajaan telah menyarankan tiga strategi utama bagi merealisasikan pendekatan tersebut. Pertama, memajukan pertanian melalui penstrukturran semula pemilikan yang melibatkan penyatuhan kebun-kebun dan tanah pertanian yang kecil kepada satu bidang tanah yang luas dan ekonomik untuk diusahakan secara tanaman ladang. Melalui cara ini pengurusan akan menjadi lebih cekap, produktif dan menguntungkan. Kedua, membangun dan menggalakkan pertumbuhan industri desa bersaiz kecil dan yang bukan berasaskan ladang. Ketiga, mengelompokkan kampung-kampung bagi mewujudkan pusat-pusat kependudukan yang lebih besar bagi memudahkan penyediaan kemudahan asas yang moden dengan lebih mudah dan murah supaya dapat berkembang sebagai pusat pertumbuhan dan pusat urbanisasi dan industri berdasarkan kampung.

Pendekatan pembangunan komuniti negara sekali lagi mengalami perubahan dalam Rancangan Malaysia Kelima (RMK5) (1986-1990).¹⁹ Di mana dalam tempoh RMK5, kerajaan telah melaksanakan penggabungan antara Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dengan Kementerian Pertanian. Setelah penggabungan tersebut, kerajaan telah melancarkan satu lagi pendekatan pembangunan komuniti yang dikenali sebagai 'Revolusi Desa' pada tahun 1986. Konsep 'Revolusi Desa' ini adalah lanjutan kepada

pendekatan ‘Hala Cara Baru’ yang diperkenalkan dalam RMK4 sebelum ini. Pendekatan baru ini tidak membawa perubahan kepada prinsip pembangunan komuniti sebelumnya, iaitu untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat desa melalui penyertaan bersama anggota komuniti dalam program pembangunan. Bagi menyokong usaha ini kerajaan sekali lagi memperkenalkan Buku Merah II pada tahun 1987. Buku Merah ini dikenali sebagai Buku Panduan Pembangunan Daerah.²⁰ Objektif Buku Merah II ini untuk menggalakkan aktiviti ekonomi di peringkat daerah, menyelaras semua agensi kerajaan di peringkat tersebut ke arah mewujudkan pembangunan bersepadu, menyatukan semua sektor swasta, badan sukarela dan komuniti tempatan dengan agensi kerajaan bagi pembangunan daerah serta memperbaiki keberkesanan jentera kerajaan bagi mempercepatkan perkembangan program dan menyediakan perkhidmatan yang lebih baik untuk masyarakat.²¹

Rancangan Malaysia Keenam (RMK6) (1991-1995) merupakan fasa pertama bagi Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua setelah tamatnya Rancangan Jangka Panjang Pertama pada akhir tahun 1990.²² Dalam jangka masa tersebut, Dasar Pembangunan Nasional (DPN) telah digubal dan dilaksanakan bagi menggantikan DEB. Tumpuan pada masa tersebut diberikan kepada aspek penglibatan sektor swasta dalam menyusun semula masyarakat melalui pertumbuhan mapan. Dalam rancangan tersebut, kerajaan menghadapi cabaran untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi kesan daripada kemelesetan ekonomi yang dialami pada tahun 1985-1986. Melalui rancangan tersebut juga kerajaan telah memperkenalkan pendekatan pembangunan mapan (*sustainable development*).²³

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) (1996-2000), Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mereka bentuk falsafah baru pembangunan luar bandar yang dikenali sebagai ‘Transformasi Kedua Luar Bandar’.²⁴ Transformasi ini memberi fokus kepada pembangunan manusia dengan peningkatan kualiti hidup luar bandar melalui program dan usaha untuk menjadikan kawasan luar bandar suatu kawasan yang produktif, menarik, maju dan menguntungkan serta seimbang dengan pertumbuhan pembangunan di bandar.²⁵ Untuk menjayakan falsafah baru pembangunan luar bandar tersebut, kerajaan telah melancarkan pendekatan ‘Gerakan Desa Wawasan’ (GDW) pada tahun 1996. Gerakan ini adalah satu usaha untuk menarik komitmen dan daya usaha penduduk kampung melalui proses pengupayaan (*empowerment*). Pendekatan ini diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) (2001-2005). Walau bagaimanapun pada tahun 2003, gerakan tersebut lebih dikenali

sebagai pendekatan "Gerakan Daya Wawasan" (GDW).²⁶ Namun begitu, matlamat dan strategi pelaksanaannya tidak berubah.

Program Pembangunan Komuniti di Luar Bandar

Terdapat beberapa bentuk program pembangunan komuniti yang diketahui umum di Malaysia. Antara program tersebut ialah Projek Kemajuan Masyarakat (KEMAS), program penempatan semula (FELDA/FELCRA), program pembangunan *in-situ* dan program Gerakan Desa Wawasan (GDW).²⁷

Secara tidak rasmi Projek Kemajuan Masyarakat (KEMAS) bermula pada tahun 1961 bagi membantu masyarakat luar bandar berdikari dan memulakan perniagaan sendiri berdasarkan kemahiran yang dipelajari. Sehingga tahun 1969, ianya dikenali sebagai Bahagian Pelajaran Dewasa (BPD). Pada tahun 1970, BPD ditukar nama kepada KEMAS tetapi masih meneruskan pendekatan 'Pelajaran Dewasa' melalui pelaksanaan kaedah pendidikan informal. KEMAS berperanan mengendalikan kelas literasi fungsional dan kemahiran vokasional, kelas ekonomi rumahtangga, kesihatan keluarga, dan taman prasekolah. Purvis yang meninjau kelas ekonomi rumahtangga anjuran KEMAS telah menyifatkan pembangunan komuniti sebagai '*education enterprise*' yang cuba membina koordinasi program pendidikan komuniti di Malaysia.²⁸ Untuk menjayakan program tersebut, pihak KEMAS biasanya menghantar seorang atau dua orang pakar yang berbeza daripada agensi tertentu ke dalam komuniti. Beberapa program pembangunan komuniti utama yang dilaksanakan di bawah KEMAS ialah: (i) program pembangunan keluarga, (ii) program pendidikan masyarakat, dan (iii) program latihan.

Program pembangunan keluarga bertujuan untuk membentuk, mengerak dan menggalakkan keluarga mencapai mutu kehidupan yang sempurna bagi keseluruhan keluarga. Tumpuan khusus diberikan kepada aspek pendidikan, kesihatan, sosio-ekonomi dan keagamaan. Aktiviti yang dilaksanakan untuk mencapai matlamat bagi pembangunan keluarga ialah penubuhan Taman Bimbingan Kanak-kanak (TBK) (1971), pelaksanaan pendidikan ekonomi rumahtangga dan pelaksanaan projek kesejahteraan keluarga (1986).

Program pendidikan masyarakat adalah program tidak formal yang diberikan kepada penduduk luar bandar yang berumur 15 tahun ke atas. Program ini telah dimulakan pada tahun 1961 dengan pelancaran 'Pelajaran Dewasa Kebangsaan'. Program ini bertujuan untuk membasmi buta huruf, menyediakan latihan kemahiran, memberi pelajaran agama dan galakan membaca di kalangan masyarakat luar bandar. Beberapa aktiviti dilaksanakan untuk mencapai tujuan tersebut. Antaranya ialah penubuhan kumpulan

agama, penubuhan perpustakaan desa, penubuhan kumpulan latih kerja, pelaksanaan rancangan pedoman tugas dan rancangan desa usaha.

Program latihan anjuran KEMAS bertujuan untuk menimbulkan kesedaran mengenai kepentingan tujuan organisasi KEMAS selaras dengan kemajuan kerjaya, kefahaman dan bimbingan dalam bidang pembangunan, meningkatkan kemahiran dalam perancangan, pelaksanaan dan penilaian aktiviti, dan menyedarkan anggota KEMAS dan masyarakat dengan isu sosio politik, ekonomi dan budaya masyarakat. Tiga bidang latihan utama yang ditekankan ialah latihan pra perkhidmatan, latihan dalam perkhidmatan dan latihan kemajuan kerjaya. Latihan ini dijalankan di Institut SEDAR dan lain-lain pusat latihan KEMAS. Institut SEDAR yang merupakan satu pusat latihan KEMAS telah disusun semula dan diletak di bawah kawalan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Institut ini diberi nama baru iaitu INFRA (Institute For Rural Advancement) dan bertanggungjawab kepada proses kejutan masyarakat luar bandar.²⁹

Kerajaan berharap pelaksanaan projek KEMAS dapat membantu masyarakat luar bandar berupaya membangun aktiviti sendiri, memulakan perniagaan sendiri atau aktiviti yang dipelajari daripada pakar tertentu. Keadaan ini akan membantu meningkatkan tahap pendapatan masyarakat yang tinggal di luar bandar. Ibrahim³⁰ dan Kamaruddin³¹ menjelaskan aktiviti pembangunan desa yang dilakukan oleh KEMAS merupakan satu strategi untuk meningkatkan tahap sosio ekonomi kaum tani. Berdasarkan kajian mengenai peranan KEMAS dalam membasmi masalah kemiskinan, Asnarulkhadi³² menjelaskan bahawa program-program pembangunan komuniti KEMAS telah berjaya membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar dari aspek sosial, politik, pendidikan, sikap, daya pemikiran, personaliti dan kebijakan anggota komuniti. Tetapi pencapaian dalam bidang ekonomi masih rendah lagi.

Program penempatan semula dilaksanakan selaras dengan pendekatan pembangunan desa melalui pembangunan tanah.³³ Program pembangunan tanah ini bertujuan untuk membekalkan tanah kepada masyarakat yang tidak mempunyai tanah dan yang memiliki keluasan tanah yang kecil dan tidak ekonomik. Di mana didapati bahawa rancangan pembangunan kerajaan negeri seperti yang dikelolakan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Terengganu, Rancangan Tanah Pinggir dan FELDA telah membawa perubahan hidup di kalangan pesawah, petani dan juga nelayan.³⁴ Perubahan yang dialami bukan sahaja melibatkan aspek sosio-ekonomi peserta sahaja tetapi juga perubahan fizikal seperti keadaan dan corak pekerjaan yang baru diceburi.

Dua bentuk program pembangunan komuniti utama yang dilaksanakan secara pembangunan tanah yang dilaksanakan di Malaysia ialah projek *Federal Land Development Authority* (FELDA) dan *Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority* (FELCRA). FELDA dan FELCRA memberi tumpuan kepada projek penempatan semula. Matlamat kedua-dua projek tersebut ialah untuk membantu keluarga miskin di kawasan luar bandar mempunyai kerja yang menghasilkan pendapatan yang mencukupi dan melepas garis kemiskinan.³⁵ Melalui pendekatan ini, keluarga yang dipilih akan dipindahkan ke kawasan penempatan baru. Rumah dan tanah seluas suku ekar akan diberikan kepada setiap keluarga. Sebagai tambahan setiap keluarga akan diberikan sepuluh ekar tanah untuk aktiviti pertanian. Selepas satu jangka masa tertentu (selalunya selepas dua puluh tahun) keluarga tersebut akan mendapat hak milik bagi tanah tersebut. Tetapi tanah yang diberikan tidak boleh dibeli atau dijual tanpa kebenaran daripada kerajaan persekutuan atau agensi yang terlibat.

Rancangan Penempatan Semula FELDA ditubuhkan mengikut Akta Kemajuan Tanah 1956 dan telah terlibat sepenuhnya dalam aktiviti pembangunan komuniti bermula tahun 1966.³⁶ Masyarakat yang dipilih untuk ditempatkan di kawasan pembangunan tanah yang dilaksanakan oleh FELDA membentuk organisasi komuniti mereka sendiri. Melalui organisasi komuniti yang terbentuk ini, mereka semua dikenali sebagai peneroka FELDA. Pembentukan organisasi komuniti ini telah berjaya membentuk komuniti yang padu. Secara umumnya rancangan penempatan semula yang dilaksanakan oleh FELDA telah berjaya meningkatkan pendapatan penghuninya.³⁷

Sehingga tahun 2004, FELDA telah membuka 275 buah rancangan penempatan melalui penerokaan kira-kira 447,578 hektar tanah di seluruh negara (Ibu Pejabat FELDA, 2005) (Jadual 1). Sehingga tahun 2004 terdapat seramai kira-kira 103,156 orang peneroka di seluruh negara yang menyertai FELDA. Kira-kira 71.01 peratus tanah yang diteroka oleh FELDA mengusahakan tanaman kelapa sawit (319,684 hektar). Tanaman getah pula melibatkan kira-kira 27.54 peratus tanah FELDA (123,997 hektar). Manakala tanaman tebu melibatkan kira-kira 1.04 peratus (4,663 hektar) dan lain-lain tanaman melibatkan seluas 1,846 hektar (0.41%) tanah FELDA.

Bagi meningkatkan lagi kegiatan ekonomi peneroka, FELDA telah menubuhkan sebanyak 287 koperasi di seluruh Rancangan FELDA³⁸(Ibu Pejabat FELDA, 2005). Sehingga tahun 2004, Koperasi FELDA ini disertai oleh kira-kira 99,904 orang peneroka FELDA di seluruh negara dan memiliki modal kira-kira RM40,981,872.00.

Rancangan Penempatan Semula FELCRA pula memulakan rancangan tanah untuk pembangunan komuniti pada tahun 1966 di bawah Akta Parlimen No. 22.³⁹ Penubuhan FELCRA ini bertujuan untuk mengatasi masalah pembangunan tanah, khususnya pemulihan tanah. Objektif utama FELCRA adalah untuk memulih dan membangunkan tanah dengan persetujuan atau permintaan kerajaan negeri atau atas usaha FELCRA sendiri atau atas permintaan pemilik tanah. Di bawah program pemulihan, usaha yang dilakukan oleh FELCRA ditumpukan kepada pembangunan tanah terbiar yang terdapat di kampung-kampung tradisional.⁴⁰

Jadual 1: Maklumat Rancangan FELDA Mengikut Negeri

| Bil. | Negeri | Bil. Rancangan | Bil. Peneroka | Keluasan (Hektar) |
|---------------|-----------------|----------------|----------------|-------------------|
| 1 | Johor | 66 | 26,527 | 112,626.71 |
| 2 | Kedah | 9 | 3,240 | 11,483.20 |
| 3 | Kelantan | 11 | 3,117 | 15,633.88 |
| 4 | Melaka | 4 | 1,336 | 4,824.21 |
| 5 | Negeri Sembilan | 43 | 16,572 | 70,100.26 |
| 6 | Pahang | 97 | 37,646 | 165,799.97 |
| 7 | Perak | 15 | 5,017 | 22,441.36 |
| 8 | Perlis | 2 | 423 | 1,773.53 |
| 9 | Sabah | 7 | 1,657 | 10,147.83 |
| 10 | Selangor | 1 | 139 | 1,152.43 |
| 11 | Terengganu | 20 | 7,482 | 31,594.62 |
| Jumlah | | 275 | 103,156 | 447,578.00 |

Sumber: Ibu Pejabat FELDA, 2005.

Sejak tahun 1966, FELCRA telah membuka lebih kurang 163 buah rancangan tanah di seluruh negara (Jadual 2). Terdapat empat jenis rancangan FELCRA, iaitu rancangan pemulihan tanah terbiar, rancangan tanah pinggir, rancangan tanah belia dan rancangan pembangunan tanah *in-situ*. Di bawah sistem pengurusan FELCRA, setiap rancangan tanah dianggap sebagai estet dengan kesemua peneroka dianggap sebagai teman sekerja yang sama-sama berkongsi faedah estet tersebut dan bertanggungjawab untuk membayar balik kos-kos pembangunan estet berkenaan. Peserta FELCRA akan dibayar upah daripada kerja-kerja yang dilakukan di rancangan tanah mereka. Di samping itu peserta juga berhak menerima dividen daripada

rancangan tanah mereka. Tanaman utama yang diusahakan di estet FELCRA ialah kelapa sawit, getah dan padi. Pada tahun 2003 kluasaan tanah yang ditanam dengan kelapa sawit ialah 154,483.50 hektar, getah seluas 42,279.30 hektar dan tanaman padi seluas 6,095.72 hektar.⁴¹

Peserta FELCRA juga telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan koperasi bagi menggerakkan sumber yang ada dalam komuniti mereka. Koperasi peneroka FELCRA bertindak untuk menawarkan kredit, input pertanian, penyimpanan dan pemasaran hasil pertanian.⁴² Sehingga tahun 2006 terdapat sejumlah 160 buah koperasi, dengan keahlian kira-kira 43,696 orang di seluruh rancangan FELCRA.

Projek pembangunan *in-situ* telah diketengahkan secara rasmi pada tahun 1971 oleh Tun Razak bagi meningkatkan projek yang sedia ada dalam masyarakat.⁴³ Objektif utama projek pembangunan *in-situ* adalah untuk meningkatkan pengeluaran pertanian dalam komuniti. Pendekatan pembangunan *in-situ* berbeza dengan pendekatan pembangunan komuniti melalui penempatan semula seperti yang dilaksanakan dalam rancangan FELDA dan FELCRA. Rancangan penempatan semula adalah berteraskan pemindahan penduduk ke

Jadual 2: Maklumat Rancangan FELCRA Mengikut Negeri

| Bil. | Negeri | Bil. Projek | Bil. Ladang | Keluasan (Hektar) |
|---------------|-----------------|-------------|-------------|-------------------|
| 1 | Johor | 23 | 176 | 35,937.44 |
| 2 | Kedah | 12 | 130 | 14,898.41 |
| 3 | Kelantan | 10 | 95 | 14,134.60 |
| 4 | Melaka | 3 | 64 | 4,472.82 |
| 5 | Negeri Sembilan | 12 | 195 | 17,610.69 |
| 6 | Pahang | 30 | 285 | 49,113.06 |
| 7 | Perak | 32 | 306 | 49,594.23 |
| 8 | Perlis | 1 | 11 | 3,689.79 |
| 9 | Pulau Pinang | 1 | 17 | 604.98 |
| 10 | Selangor | 5 | 39 | 6,136.08 |
| 11 | Sabah | 7 | 30 | 8,875.00 |
| 12 | Sarawak | 9 | 80 | 16,648.65 |
| 13 | Terengganu | 18 | 178 | 28,151.56 |
| Jumlah | | 163 | 1606 | 249,867.31 |

Sumber: Ibu Pejabat FELCRA, 2005.

kawasan pedalaman dan pinggiran. Manakala pendekatan pembangunan *in-situ* menekankan pemindahan modal ke kawasan yang sedia diduduki. Strategi yang digunakan menekankan intensifikasi, perkembangan dan kepelbagaian aktiviti ekonomi luar bandar. Pelaksanaan projek pembangunan *in-situ* ini dibiayai oleh Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia (ADB).

Pendekatan pembangunan *in-situ* dibentuk khas untuk membaik pulih serta memodenkan kampung-kampung tradisional. Di mana agensi kerajaan tertentu ditugaskan untuk membangunkan sesuatu kawasan yang dikenal pasti. Bagi merealisasikan pendekatan pembangunan *in-situ*, kerajaan telah memperkenalkan program pertanian bersepadu (IADP). Program IADP bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran pertanian dan penyusunan semula kawasan pekebun kecil.⁴⁴ Pendekatan ini melibatkan integrasi input moden, penggunaan teknologi, infrastruktur dan khidmat sokongan untuk menolong petani meningkatkan taraf sosio ekonomi mereka. Integrasi juga melibatkan koordinasi berbagai-bagai jabatan dan agensi pembangunan setempat dalam merancang serta menyumbang perkhidmatan, kemudahan dan infrastruktur di dalam sesuatu kawasan.

Sehingga tahun 1982, terdapat sebelas buah kawasan program pembangunan *in-situ* yang meliputi kawasan seluas 1.5 juta hektar dengan penglibatan seramai 44,600 keluarga tani.⁴⁵ Pada tahun 1992, terdapat lapan belas lagi projek IADP yang sedang diteruskan dengan biayaan daripada Bank Dunia dan Bank Pembangunan ASIA (ADB). Ringkasan mengenai program pembangunan *in-situ* dalam bentuk projek IADP ditunjukkan dalam dalam Jadual. Enam Projek IADP yang diketahui umum beroperasi di Semenanjung Malaysia ialah Projek Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Projek Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Projek Kemajuan Talair dan Pertanian Besut, Projek Johor Barat, Projek Kelantan Utara dan Projek Barat Laut Selangor.⁴⁶

Menurut Mohd Nasir dan Ahmad Fuad, terdapat dua aktiviti dalam program pembangunan *in-situ* yang dilaksanakan di Semenanjung Malaysia.⁴⁷ Pertama, aktiviti pembangunan kawasan penanaman padi yang melibatkan kawasan MADA, KADA, Projek Talair dan Pertanian Besut dan Barat Laut Selangor. Kedua, aktiviti pembangunan kawasan bukan untuk padi. Program ini melibatkan kawasan Projek pembangunan Integrasi Pertanian Johor Barat, Pahang Barat dan Negeri Sembilan Timur. Kawasan bukan untuk padi memberi tumpuan kepada perusahaan tanaman getah, kelapa sawit, kelapa, nenas dan buah-buahan.

Jadual 3: Program Pembangunan In-situ Berdasarkan Konsep IADP

| Nama projek | Tahun projek | Keluasan (ha) | Sumber kewangan | Tanaman utama |
|---------------------|--------------|---------------|---|---|
| MADA I | 1965-1970 | 95,785 | Bank Dunia (104.85) | Padi |
| KADA I | 1967-1973 | 57,522 | Bank Dunia (23.3) | Padi |
| Besut | 1971-1978 | 14,175 | ADB (3.3) | Padi, Getah, Kelapa dan Buah-buahan |
| Johor Barat I | 1974-1985 | 133,948 | Bank Dunia (45.0) sawit, Kopi, Koko, Pisang | Getah, Kelapa, Nenas, Kelapa |
| Barat Laut Selangor | 1978-1985 | 100,073 | Bank Dunia (26.0) | Padi, Kelapa, Koko, Kopi |
| MADA II | 1979-1987 | 25,496 | Bank Dunia (68.5) | Padi |
| Krian | 1979-1987 | 30,613 | Bank Dunia (26.5) | Padi, Getah, Kelapa, Kelapa sawit dan Buah-buahan |
| Negeri Sembilan | 1981-1987 | 513,00 | ADB (20.0) | Padi, Getah, Kelapa sawit dan Buah-buahan |
| Rompin Endau | 1981-1987 | 47,374 | Bank Dunia | Padi |
| Kemasin Semerak | 1981-1989 | 68,350 | ADB (40.0) | Padi, Tembakau, Getah dan Kelapa |
| Melaka | 1982-1986 | 851,000 | Bank Dunia (58.42) | Getah, Padi dan Buah-buahan |
| Lembah Kedah | 1982-1986 | 851,000 | Bank Dunia | Getah, padi dan Buah-buahan |
| Perlis | 1982-1990 | 49,000 | - | Padi, Getah, Mempelam dan Tebu |
| Pulau Pinang | 1983-1990 | 95,532 | - | Padi, getah, Kelapa dan Buah-buahan |
| Pahang Barat | 1983-1990 | 2270,000 | ADB (22.7) | Getah, Padi, Kelapa sawit dan Buah-buahan |
| *Johor Barat II | 1986-2000 | 500,000 | Bank Dunia dan Kerajaan Malaysia | |
| *Kalaka Saribas | 1986 | 161,000 | - | |
| *Sungai Golok | 1986 | 171,997 | - | Getah dan Padi |
| *Samarahan | 1986 | 90,000 | - | Getah dan padi |
| Tumboh Blok | 1986-1993 | 68,520 | Dicadangkan kepada Bank Dunia | Padi, Kelapa sawit dan Getah |
| Perak Utara | - | 1,218,030 | Dicadangkan kepada Bank Dunia | Getah, Padi, dan Kelapa sawit |
| Terengganu Utara | 1986-1990 | 436,600 | - | Padi, getah, Akuakultur, Ternakan dan Tembakau |

Sumber: Maimunah Ismail dan Bahaman Abu Samah, "Integrated Agricultural Development Projects: The Malaysian Experience", Dalam V. T. King, & Nazaruddin (eds), *Issues in Rural Development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 32- 46.

*Sumber maklumat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia.

Di Sabah pelaksanaan pembangunan *in-situ* melibatkan Jabatan Pertanian, Koperasi Pembangunan Luar Bandar, Yayasan Getah Sabah, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Industri Haiwan, Jabatan Perikanan dan Koperasi Nelayan, Jabatan Saliran dan Perparitan.⁴⁸ Manakala di Sarawak pula ianya dilaksanakan secara bersepada antara Jabatan Pertanian, Jabatan Parit dan Taliar, Lembaga Penyatuan dan Pemulihian Tanah Sarawak (SALCRA) dan Lembaga Pembangunan Tanah Sarawak (SLDB).⁴⁹

Transformasi Program Pembangunan Komuniti di Malaysia

Ahli-ahli sosiologi mendefinisikan transformasi sebagai perubahan yang berlaku dalam masyarakat akibat daripada proses evolusi dan revolusi.⁵⁰ Terdapat penulis yang memberi makna yang sama terhadap transformasi dan perubahan sosial yang membawa dua pengertian. Pertama, pengertian transformasi yang membawa makna yang sama dengan pembangunan tetapi tanpa implikasi ideologi dan andaian-andaian tertentu. Kedua, pengertian yang merujuk kepada perubahan bahagian-bahagian tertentu dalam masyarakat pada masa-masa tertentu. Oleh itu, transformasi merupakan gabungan perubahan-perubahan sosial, kebudayaan, politik dan ekonomi. Perubahan yang berlaku ini boleh dianggap sebagai satu fenomena yang berorientasikan matlamat dan nilai serta tertumpu kepada pencapaian kebajikan manusia yang optimum dalam semua bidang.

Pelaksanaan program pembangunan komuniti kepada masyarakat luar bandar di Malaysia telah menjangkau transformasi kedua.⁵¹ Transformasi Kedua Luar Bandar telah dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri pada tahun 1994. Transformasi kedua ini merupakan suatu anjakan paradigma pemikiran dan pendekatan sebagai pelengkap kepada falsafah yang mendasari Transformasi Pertama Pembangunan Luar Bandar yang diasaskan oleh Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia kedua. Transformasi pertama memberi tumpuan kepada aspek pembangunan ekonomi dan mengadakan prasarana asas di kawasan luar bandar. Aspek tersebut diberi tumpuan memandangkan ketika itu negara baru mencapai kemerdekaan dan kawasan luar bandar tersisih daripada pembangunan. Berbagai program pembangunan sosio-ekonomi dilaksanakan oleh kerajaan ketika itu bagi meningkatkan taraf hidup rakyat.

Menjelang tahun 1990, skop pembangunan luar bandar telah berubah mengikut keperluan masyarakat. Tumpuan tidak lagi diberikan kepada keperluan asas tetapi lebih kepada peningkatan kualiti prasarana, pelaksanaan projek-projek ekonomi moden, industri dan pembangunan sumber manusia yang lebih cemerlang.⁵²

Penekanan diberikan kepada semua aspek fizikal, jasmaniah, rohaniah dan intelektual manusia. Penekanan aspek kemanusiaan ini melibatkan pembangunan insan melalui paradigma baru yang positif. Transformasi Kedua Luar Bandar berusaha untuk menjadikan kawasan luar bandar produktif, menarik, maju dan menguntungkan.

Falsafah Baru Pembangunan Luar Bandar berhasrat untuk melahirkan insan luar bandar yang berkualiti dan menguasai nilai murni melalui penggunaan masa, informasi dan sumber yang ada pada tahap yang optimum. Matlamat tersebut boleh dicapai melalui pembentukan inisiatif pembangunan manusia cemerlang, pembangunan keluarga sejahtera, pembangunan masyarakat beridentiti dan berdaya tahan, penyediaan infrastruktur berkualiti, pembangunan ekonomi mapan, penyediaan sistem penyampaian berkesan dan kewujudan rangka kerja institut yang responsif terhadap perubahan.⁵³

Pendekatan utama pembangunan komuniti yang dilaksanakan oleh KPLB bagi mencapai Falsafah Baru Pembangunan Luar Bandar ialah Gerakan Desa Wawasan (GDW). Program GDW telah dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1994 di FELCRA Seberang Perak, Daerah Hilir Perak pada 4 Julai 1996. GDW ialah proses membangkitkan kesedaran dan pembangunan sikap penduduk desa ke arah transformasi luar bandar. Tumpuan program GDW adalah terhadap aspek pembangunan insan, industri desa, ekonomi pertanian moden dan sumber semula jadi secara optimum. Gerakan ini menekankan kepada penglibatan penduduk desa sendiri dalam perancangan program pembangunan ke arah menjadikan desa lebih maju, menarik dan menguntungkan.⁵⁴ Perencanaan program dirancang dan dilaksanakan secara tersusun dan berterusan berdasarkan pendekatan 'bawah-atas'. Sehingga tahun 2001 sebanyak 3,493 buah kampung telah terpilih untuk menyertai program GDW di seluruh Malaysia (Jadual 4).

Penyelarasan Program GDW

Kementerian Pembangunan Luar Bandar bertanggungjawab dalam merangka dasar, strategi dan penyelarasan pelaksanaan program GDW. Bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan, jentera penyelaras dalam bentuk jawatankuasa GDW di peringkat persekutuan, negeri, daerah dan kampung telah ditubuhkan. Setiap peringkat jawatankuasa ini berperanan dalam menentukan dasar dan strategi pelaksanaan program GDW, menggariskan panduan penyediaan pelan induk dan pelan tindakan, menyelaras projek dan aktiviti, memperakunkan permohonan projek dan aktiviti serta melaporkan kemajuan

Jadual 4: Kedudukan Kampung GDW Mengikut Negeri dan Agensi Penyelaras Sehingga Tahun 2001

| Negeri | Bilangan Kampung GDW mengikut Negeri dan Agensi Penyelaras | | | | | | Jumlah |
|---------------------|--|------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-------------|
| | KEMAS | RISDA | FELCRA | KESEDAR | KETENGAH | KEDA | |
| Johor | 266 | 19 | 7 | - | - | - | 28 |
| Kedah | 216 | 12 | 4 | - | - | 46 | - |
| Kelantan | 270 | 9 | 3 | 49 | - | - | - |
| Melaka | 162 | 11 | 3 | - | - | - | - |
| N.Sembilan | 231 | 16 | 3 | - | - | - | - |
| Pahang | 331 | 16 | 9 | - | - | - | - |
| P.Pinang | 124 | - | 1 | - | - | - | 36 |
| Perak | 340 | 11 | 17 | - | - | - | - |
| Perlis | 98 | 6 | 1 | - | - | - | - |
| Selangor | 236 | 12 | - | - | - | - | - |
| Terengganu | 216 | 14 | 6 | - | - | - | - |
| Sabah | 265 | - | - | - | - | - | - |
| Sarawak | 339 | - | - | 3 | - | - | - |
| Wilayah Persekutuan | 23 | - | - | - | - | - | - |
| Jumlah | 3117 | 216 | 57 | 49 | 34 | 46 | 36 |
| | | | | | | | 28 |
| | | | | | | | 3493 |

Sumber: Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Senarai Kampung GDW Tahun 1996-2001, Bahagian Pemodenan Desa.

pelaksanaan program GDW di peringkat masing-masing kepada jawatankuasa yang lebih tinggi.⁵⁵

Jawatankuasa GDW peringkat persekutuan terbahagi kepada dua, iaitu Jawatankuasa Penyelarasan GDW Peringkat Kebangsaan dan Jawatankuasa Kerja GDW Peringkat KPLB. Jawatankuasa Penyelarasan GDW Peringkat Kebangsaan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPLB, dan Timbalan Pengurusnya pula Timbalan Ketua Setiausaha (Sosial) KPLB. Ahli-ahlinya terdiri daripada Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (UPE), Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP), Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Ketua Pengarah Pendidikan, Setiausaha Kerajaan Negeri (kecuali Sabah dan Kelantan), Setiausaha Tetap Pembangunan Luar Bandar Negeri Sabah, Pengarah Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan, Pengarah Pentadbiran Wilayah Persekutuan Labuan. Bahagian Pemodenan Desa, KPLB bertindak sebagai urus setia kepada jawatankuasa peringkat kebangsaan ini.

Jawatankuasa Kerja GDW di peringkat KPLB dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Sosial) kementerian berkenaan. Timbalan Pengurusnya pula ialah Setiausaha Bahagian Pemodenan Desa kementerian tersebut. Ahli-ahlinya terdiri daripada Ketua pengarah Lembaga Kemajuan Tanah (LKT), Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW), Ketua Pengarah KEMAS, semua Setiausaha Bahagian KPLB, Pengarah INFRA, Ketua Unit MIS, Pegawai Perhubungan Awam. Bahagian Pemodenan Desa, KPLB bertindak sebagai urus setia kepada jawatankuasa kerja ini. Jawatankuasa ini berperanan dalam memperakurkan cadangan senarai kampung GDW yang dikemukakan oleh Jawatankuasa GDW peringkat negeri, menyediakan panduan umum pelaksanaan GDW, menggariskan panduan plan induk, plan tindakan kampung dan projek yang akan dilaksanakan oleh pihak yang berkenaan, menyelaras projek di bawah peruntukan KPLB, memberi taklimat umum kepada kementerian, jabatan, agensi kerajaan, sektor swasta, korporat, badan bukan kerajaan dan masyarakat umum mengenai program GDW serta mengemukakan laporan kemajuan pelaksanaan program kepada jawatankuasa penyelarasan GDW peringkat kebangsaan dan peringkat atasan KPLB.

Peringkat negeri, jawatankuasa GDW dipengerusikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (kecuali Sabah, Kelantan dan Labuan). Di negeri Sabah, jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Menteri pembangunan Luar Bandar Sabah. Manakala di negeri Kelantan, ianya dipengerusikan oleh Pengarah Pembangunan

Persekutuan Negeri Kelantan. Sementara itu, di Labuan pula jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Pentadbiran Wilayah Persekutuan Cawangan Labuan. Timbalan Pengerusi Jawatankuasa peringkat negeri ini pula terdiri daripada Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (kecuali Sabah dan Kelantan). Di Negeri Sabah, Timbalan pengerusi jawatankuasa ini ialah Setiausaha Tetap Pembangunan Luar Bandar dan di Negeri Kelantan pula ialah Timbalan Pengarah Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan. Timbalan pengerusi di Labuan ialah Timbalan Pengarah Pentadbiran Wilayah Persekutuan Cawangan Labuan.

Jawatankuasa GDW di peringkat negeri dianggotai oleh Pegawai Daerah, Pengurus Besar LKW, Pengarah Perancangan Bandar dan Desa, Pengarah Penerangan Negeri, Pengarah Pengarah Pendidikan Negeri, Pengarah Perubatan dan Kesihatan Negeri, Pengarah Pertanian Negeri, Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri, Pengarah RISDA Negeri, Pengarah FELCRA Negeri, Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri, Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri, Pengarah MARA Negeri, Pengarah Belia dan Sukan Negeri dan Pengarah Perpaduan Negeri. Pengarah KEMAS Negeri akan bertindak sebagai urus setia kepada jawatankuasa ini.

Jawatankuasa GDW Peringkat Daerah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah (kecuali Negeri Kelantan dan Sarawak). Di Negeri Kelantan, jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pegawai Pembangunan Jajahan, manakala di Negeri Sarawak dipengerusikan oleh Residen. Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Peringkat Daerah pula terdiri daripada Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) dan di Negeri Sarawak ialah Pegawai Daerah. Jawatankuasa peringkat daerah ini akan dianggotai oleh Ahli Parlimen atau ADUN, Pegawai Pertanian Daerah, Pegawai Penerangan Daerah, Pegawai RISDA Daerah, Pegawai FELCERA Daerah, Pegawai Perkhidmatan Haiwan Daerah, Pegawai Perubatan dan Kesihatan Daerah, Pegawai Jabatan Agama Islam Daerah, Pegawai MARA Daerah, Pegawai Belia dan Sukan Daerah, Pegawai Perpaduan Daerah dan Penghulu Mukim. Manakala urusetianya pula ialah Pegawai KEMAS Daerah.

Keanggotaan Jawatankuasa GDW Peringkat Kampung sama dengan keanggotaan JKKK atau Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR). Setiausaha JKKK atau JKRR akan menjadi urus setia bagi program GDW kampung. Anggota tambahan dalam jawatankuasa ini terdiri daripada Penyelia KEMAS Kawasan, Pegawai Lembaga Kemajuan Wilayah dan Pegawai Jabatan lain yang akan menghadiri mesyuarat atas jemputan.

Kesimpulan

Semenjak mencapai kemerdekaan kerajaan Malaysia telah melancarkan pelbagai pendekatan pembangunan komuniti. Pendekatan pembangunan komuniti di Malaysia berubah mengikut tempoh masa Rancangan Pembangunan Negara. Walau bagaimanapun, tujuan kesemua pendekatan tersebut adalah untuk membawa perubahan dalam aspek sosial, ekonomi, kesihatan, pendidikan dan kemasyarakatan di kalangan masyarakat, khususnya luar bandar. Kesan akhir yang sepatutnya dicapai daripada setiap pendekatan dan program pembangunan komuniti peningkatan taraf dan kualiti hidup masyarakat.

Kebanyakan program pembangunan komuniti yang dilaksanakan di Malaysia pada peringkat awal adalah mengamalkan pendekatan yang berbentuk 'atas-bawah' (*top-down approach*). Di sini gagasan keperluan untuk melakukan sesuatu perubahan dalam aspek sosial, ekonomi, kesihatan, pendidikan dan kemasyarakatan berdasarkan objektif pemerintah. Melalui pendekatan ini, pemerintah yang diwakili oleh segolongan perancang dari atas melihat secara luas tentang keperluan masyarakat. Perancang akan bertindak merancang dan mengembang sumber yang ada di persekitaran bagi memenuhi apa yang difikirkan perlu untuk masyarakat. Kesannya, sesuatu program pembangunan komuniti akan berjaya dilaksanakan dalam ruang lingkup yang luas. Pendekatan ini lebih memberi tumpuan kepada kepentingan negara berbanding kepentingan kumpulan sasar yang terlibat.

Pendekatan pembangunan komuniti di Malaysia telah mula mengalami perubahan setelah melalui proses transformasi kedua pembangunan luar bandar. Tumpuan lebih diberikan kepada pendekatan 'bawah-atas' (*bottom-up approach*) dalam melaksanakan sesuatu program pembangunan komuniti. Melalui pendekatan ini, gagasan keperluan untuk melakukan sesuatu perubahan dalam masyarakat bermula dari sudut pandangan penduduk tempatan. Pendekatan ini menekankan kepada inisiatif dan usaha komuniti sendiri dalam menjayakan kemajuan dan perubahan dalam lingkungan komuniti di mana mereka tinggal. Kesannya, pendekatan ini berjaya menentukan masa depan mereka. Pelaksanaan pendekatan 'bawah-atas' ini adalah sejajar dengan idea awal pembangunan komuniti.

Nota

- ¹ Afiffudin Omar, *Pembangunan Ekonomi Kaum Tani*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986, hlm. 133. Lihat juga Aminah Ahmad Khalid, Mohd Koharuddin Moohd Balwi, Hamdan Abd. Kadir, Hamidah Ab. Rahman dan Fadilah Zaini, *Gerakan Desa Wawasan sebagai Mekanisme Pembangunan Paradigma dan Peradaban Melayu Proaktif dalam Menghadapi Terjahan Globalisasi di Alaf Baru*, Seminar Za'ba Mengenai Alam Melayu 1, 2003, hlm. 1.
- ² Malaya, *Report on Community Development*, Kuala Lumpur: Government Printer, 1954, hlm. 2.
- ³ G. D. Ness, *Bureaucracy and Rural development in Malaysia*, Berkeley, Los Angles: University of California Press, 1967, hlm. 114-116.
- ⁴ Mohd Shukri Abdullah, *Strategi Pembangunan Desa Semenanjung Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 65. Lihat juga Asnarulkhadi Abu Samah, KEMAS, Pembangunan Komuniti dan Kemiskinan: Satu Kajian Kes di Daerah Jasin, Melaka, Tesis M.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 60.
- ⁵ Asnarulkhadi Abu Samah, "Pendayaupayaan Komuniti Melalui Penglibatan: Satu Penilaian Umum terhadap Pembangunan Komuniti di Malaysia", *Malaysia Journal of Social Policy and Society*, Vol. 2, 2005 hlm. 75-91.
- ⁶ Asnarulkhadi Abu Samah, KEMAS, Pembangunan Komuniti dan Kemiskinan: Satu Kajian Kes di Daerah Jasin, Melaka, hlm. 57.
- ⁷ Mohd Shukri Abdullah, *Strategi Pembangunan Desa Semenanjung Malaysia*, hlm. 58.
- ⁸ Ibid., hlm. 40.
- ⁹ Rahimah Abd. Aziz, *Pengantar Sosiologi Pembangunan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001, hlm. 234.
- ¹⁰ Mohd Shukri Abdullah, *Strategi Pembangunan Desa Semenanjung Malaysia*, hlm. 64.
- ¹¹ Ibid., hlm. 65.
- ¹² Asnarulkhadi Abu Samah, KEMAS, Pembangunan Komuniti dan Kemiskinan: Satu Kajian Kes di Daerah Jasin, Melaka, hlm. 60.
- ¹³ Johari Mat, "Gerakan Pembaruan Dalam Pembangunan Masyarakat", *Dewan Masyarakat*, 1972, hlm. 4 - 9. Lihat juga Abdullah Satar, "Renewal Movement", *Development Forum*, Vol. VII (2), 1979, hlm. 1 - 10.
- ¹⁴ S. Chee, *Rural local Government and Rural Development in Malaysia*, New York: Cornell University, 1974, hlm. 20.
- ¹⁵ Rahimah Abd. Aziz, *Pengantar Sosiologi Pembangunan*, hlm. 235.
- ¹⁶ Asnarulkhadi Abu Samah, "Pendayaupayaan dalam Pembangunan Komuniti di Malaysia." hlm. 13. Lihat juga Johari Mat, "Gerakan Pembaruan Dalam Pembangunan Masyarakat", hlm. 4 - 9.
- ¹⁷ Asnarulkhadi Abu Samah, "Pendayaupayaan dalam Pembangunan Komuniti di Malaysia." hlm. 13.
- ¹⁸ Malaysia, "Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985)." Kuala Lumpur: Percetakan Negara Malaysia Bhd, 1981, hlm. 477.

- ¹⁹ Asnarulkhadi Abu Samah, "Pendayaupayaan dalam Pembangunan Komuniti di Malaysia.", hlm. 14. Sebab-sebab ini dipetik dari teks beliau.
- ²⁰ Ibid., hlm. 13.
- ²¹ Ibid., hlm. 13.
- ²² Rahimah Abd. Aziz, *Pengantar Sosiologi Pembangunan*, hlm. 240.
- ²³ Ibid.
- ²⁴ Malaysia, "Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)", Kuala Lumpur: Percetakan Negara Malaysia Bhd, 2001, hlm. 148.
- ²⁵ Ibrahim Ngah, *Pelan Tindakan Desa*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2003, hlm. 13.
- ²⁶ Faridah Hitam dan Asuki Abas, Gerakan Desa Wawasan di Perkenalkan, *Utusan Malaysia*, 30 April, 2003. hlm. 2.
- ²⁷ Mohammad Shatar Sabran, Leadership in the Success of Community development in Malaysia: Two Case Study, Ph.D Thesis, University of Missouri-Columbia, 1999, hlm. 131-137. Lihat juga Asnarulkhadi Abu Samah, "Peranan Kerajaan dalam Membangunkan Golongan Berpendapatan Rendah", Dalam Mohd Amim Othman & Norizan Yahya (eds), *Golongan Berpendapatan Rendah: Realiti dan Cabaran*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2004, hlm. 48-70.
- ²⁸ Asnarulkhadi Abu Samah, KEMAS, Pembangunan Komuniti dan Kemiskinan: Satu Kajian Kes di Daerah Jasin, hlm. 60.
- ²⁹ Anuar Musa, "Transformasi Kedua kawasan Luar Bandar", Ucapan Menteri Pembangunan Luar Bandar Sempena Lawatan Rasmi Ke Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor, Ogos 1995, hlm. 15.
- ³⁰ Asnarulkhadi Abu Samah, KEMAS, Pembangunan Komuniti dan Kemiskinan: Satu Kajian Kes di Daerah Jasin, Melaka, hlm. 60.
- ³¹ Ibid., hlm. 60.
- ³² Ibid., hlm. 299.
- ³³ Mohd Shukri Abdullah, *Strategi Pembangunan Desa*, hlm. 90.
- ³⁴ Asnarulkhadi Abu Samah, KEMAS, Pembangunan Komuniti dan Kemiskinan: Satu Kajian Kes di Daerah Jasin, hlm. 14.
- ³⁵ Rokiah Talib, "Land Development: FELDA'S Strategy for Change", Dalam King, V. T. & Nazaruddin (eds), *Issues in Rural Development in Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 94-111.
- ³⁶ Maimunah Ismail, *Pengembangan: Implikasi ke atas Pembangunan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 193.
- ³⁷ Rokiah Talib, "Land Development: FELDA'S Strategy for Change", hlm. 94-111. hlm. 94-111.
- ³⁸ FELDA, <http://www.felda.net.my/felda/default.htm>, 2005.
- ³⁹ Ma'ruf Redzuan, "Rural Cooperative in Malaysia", Dalam King, V. T. & Nazaruddin (eds), *Issues in Rural Development in Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 196-206.
- ⁴⁰ Mohammad Shatar Sabran, Leadership in the Success of Community development in Malaysia: Two Case Study, hlm. 137.
- ⁴¹ FELCRA, <http://www.felcra.com.my/>, 2005.
- ⁴² Ma'ruf Redzuan, "Rural Cooperative in Malaysia", hlm. 196-206.

- ⁴³ Mohammad Shatar Sabran, *Leadership in the Success of Community development in Malaysia: Two Case Study*, hlm. 137. Lihat juga Mohd Shukri Abdullah, *Strategi Pembangunan Desa Semenanjung Malaysia*, hlm. 111-139.
- ⁴⁴ Maimunah Ismail dan Bahaman Abu Samah, "Integrated Agricultural Development Projects: The Malaysian Experience", Dalam V. T. King, & Nazaruddin (eds), *Issues in Rural Development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 32- 46.
- ⁴⁵ Ibid.
- ⁴⁶ Mohd Nasir & Ahmad Fuad, "Regional Development in Malaysia", Dalam V. T. King, & Nazaruddin (eds), *Issues in Rural Development in Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 51.
- ⁴⁷ Ibid., hlm. 49.
- ⁴⁸ Zulkifly Mustafa, "In Situ Rural Development in Sabah", Dalam V. T. King, & Nazaruddin, *Issues in Rural Development in Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 68-81.
- ⁴⁹ V. T. King, "In Situ Development in Sarawak", Dalam V. T. King & Nazaruddin (eds), *Issues in Rural Development in Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 82-93.
- ⁵⁰ Fatimah Daud, "Transformasi Sosial: Evolusi atau Resolusi?", Bahagian Komunikasi Korporat, Universiti Malaya, 2005, hlm. 1.
- ⁵¹ Kementerian Pembangunan Luar Bandar, *Garis Panduan Umum Program Gerakan Desa Wawasan*, Kuala Lumpur: Bahagian Pemodenan Desa, KPLB, 1998, hlm. 4.
- ⁵² Kementerian Pembangunan Luar Bandar, *Panduan Kerja Penggerak Pelaksanaan Program Gerakan Desa Wawasan*, Kuala Lumpur: Bahagian Pemodenan Desa, KPLB, 2001, hlm. 3.
- ⁵³ Ibid., hlm. 2.
- ⁵⁴ Ibid.
- ⁵⁵ Kementerian Pembangunan Luar Bandar, *Garis Panduan Umum Program Gerakan Desa Wawasan*, 1998, hlm. 29-42.